



Kementerian Wilayah Persekutuan

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
PELANCARAN *VOLUNTEER FOR* PUTRAJAYA  
TERMINAL BAS, SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
PUTRAJAYA PRESINT 8 (1)**

**1 APRIL 2017, SABTU | 8.00 PAGI**

---

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Salutasi [Akan diberikan semasa majlis berlangsung]**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Salam Sejahtera & Salam WilayahKu Ceria**

1. Marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam **Pelancaran *Volunteer For* Putrajaya**.
2. Pada pagi ini, saya amat berbesar hati dan gembira kerana dapat bersama-sama dengan para hadirin sekalian terutamanya para sukarelawan belia dan komuniti Putrajaya yang dapat hadir bagi

menjayakan **Program *Volunteer For Putrajaya*** dan seterusnya menjalankan aktiviti-aktiviti kesukarelawan serta pengindahan.

3. Saya difahamkan penganjuran program ini merupakan kerjasama strategik antara Kementerian Wilayah Persekutuan; Perbadanan Putrajaya; Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya; Biro Tata Negara Wilayah Persekutuan; Majlis Perwakilan Penduduk Putrajaya; Pemuda dan Puteri UMNO Putrajaya; dan seterusnya pemimpin muda WP Putrajaya yang dikenali dengan Briged Transformasi Negara menerusi konsep kesukarelawan di bawah jenama ***Volunteer For Putrajaya***.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. ***Volunteer For Putrajaya (V4Putrajaya)*** adalah merupakan inisiatif yang diwujudkan dengan tujuan untuk menyemai semangat kesukarelawan di kalangan komuniti dan belia. **V4Putrajaya** juga bertujuan untuk memperbanyakkan aktiviti dan penyertaan sukarelawan dalam menjaga serta memelihara keindahan persekitaran dan seterusnya meningkatkan semangat bekerja secara berpasukan di kalangan belia dalam pembangunan Negara.
5. Sebelum ini, **V4Putrajaya** turut diberikan peluang untuk terlibat dalam penganjuran program-program berskala besar di Putrajaya, antaranya seperti Festival Catur dan Gen Y Kreatif Putrajaya; Pertandingan *Robotic Space Education Lego Challenge*; Program Konvoi Berbasikal 2017; dan Putrajaya *International Food &*

*Cultural Exchange Festival*. Usaha ini juga sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan aktiviti kesukarelawan sebagai budaya masyarakat Malaysia khususnya dikalangan generasi muda Negara.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Pada hari ini saya difahamkan kita berjaya mengumpulkan sejumlah 1700 orang sukarelawan terdiri dari komuniti Putrajaya, Pemuda dan Puteri UMNO Putrajaya, Belia dan Briged Transformasi Negara yang merupakan pelajar-pelajar sekolah menengah sekitar Putrajaya yang akan berganding bahu untuk melaksanakan aktiviti gotong-royong kebersihan dan pengindahan. Tahniah saya ucapkan!
7. Aktiviti kesukarelawan pada hari ini juga akan melibatkan kerja-kerja pengindahan, keceriaan dan kebersihan Kompleks Kejiranan Presint 8, Kuarters Presint 8, dan terowong laluan motosikal Presint 8 ke Presint 10 dan Presint 8 ke Presint 9. Antara aktiviti yang dilaksanakan merangkumi kerja-kerja mengecat; menaiktaraf landskap serta gotong-royong kebersihan dan setiap kumpulan sukarelawan yang terlibat akan dibahagikan mengikut zon diterajui oleh Majlis Perwakilan Penduduk Putrajaya.
8. Sesungguhnya inisiatif yang diperkenalkan menerusi jenama **V4Putrajaya** merupakan usaha yang baik dan saya menyeru agar komuniti Putrajaya dapat memberi sokongan yang padu terhadap

usaha ini dan seterusnya menjadi contoh kepada kawasan lain untuk sama-sama melaksanakan perkara yang sama.

9. Selain itu, dengan pelancaran **V4Putrajaya** ini dapat menarik lebih ramai penglibatan konstruktif golongan belia dalam proses pembinaan negara bangsa, berpandukan sistem nilai, budaya dan sikap masyarakat yang kukuh. Marilah sama-sama kita semai amalan kesukarelawan dan semangat cintakan negara di kalangan kita serta anak-anak kita demi pembangunan negara.
10. Di samping itu, program ini turut menjadi landasan dalam usaha Kementerian Wilayah Persekutuan menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui pengisian aktiviti kesukarelawan dengan melibatkan penyertaan komuniti. Pasti program ini menjadi salah satu elemen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan sosial khususnya di kalangan warga Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

11. Harapan saya agar **V4Putrajaya** dapat menjadi titik permulaan menyemai semangat kesukarelawan dan seterusnya melibatkan lebih ramai penyertaan komuniti dan generasi muda Putrajaya dalam program yang seumpama ini. Semangat ini juga perlu dipupuk secara berterusan di kalangan komuniti bagi memastikan momentum kesukarelawan sentiasa berada di tahap tinggi demi kesinambungan pembangunan Negara.

12. Saya juga berharap agar program kesukarelawan ini sentiasa mendapat sokongan, komitmen dan penyertaan sepenuhnya rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk sama-sama menjaga serta memelihara persekitaran kita agar bersih dan ceria. Ini seiring dengan tema kita "**Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera**".
13. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur **Volunteer For Putrajaya** dan semua pemimpin masyarakat setempat yang telah bertungkus lumus dan memberikan kerjasama yang amat baik sekali dalam penganjuran program pada hari ini. Semoga segala usaha murni kita ini akan diberkati oleh Allah S.W.T.
14. **Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini melancarkan Volunteer For Putrajaya.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.